

Headline	KEJAYAAN SEMINAR PRODUK BATANG KELAPA SAWIT		
MediaTitle	Anjung Seri		
Date	23 Jul 2015	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	66,546
Page No	41	Readership	134,898
Language	Malay	ArticleSize	524 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,418
Frequency	Monthly	PR Value	RM 10,254



RENCANA

KEJAYAAN SEMINAR PRODUK BATANG KELAPA SAWIT



Seminar Kebangsaan Penukaran Batang Kelapa Sawit kepada Kayu Gergaji & Papan Lapis dan Aplikasinya dalam Perabot atau dalam bahasa Inggerisnya, National Seminar on Conversion of Oil Palm Trunk (OPT) into Sawn Timber & Plywood and Its Application in Furniture bertujuan mempromosikan batang kelapa sawit (OPT) sebagai bahan alternatif dan menghebahkan hasil kajian projek.

Seminar sehari itu dihadiri pelbagai syarikat pengeluar produk perakayuan khususnya berasaskan OPT, pereka bentuk dalaman, arkitek, pensyarah IPTA & IPTS dan wakil agensi kerajaan serta swasta berkaitan. Ia dirasmikan oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas di Berjaya Times Square Hotel, Kuala Lumpur pada 11 Jun lalu.

Sebanyak 10 kertas kerja dibentangkan oleh pakar dan pensyarah daripada MTIB, Universiti Putra Malaysia (UPM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), TEAM, MPMA dan Roland Berger Strategy Consultation Sdn Bhd. Antara topik penting dibincangkan adalah potensi dan aplikasi OPT dalam industri papan lapis dan kayu gergaji, potensi pasaran produk OPT dan status semasa industri ini serta perkongsian maklumat tentang pemprosesan menjadikan kayu gergaji oleh dua buah syarikat pengeluar kayu gergaji OPT serta reka bentuk produk OPT dalam industri perabot.

Pada 2014, prestasi eksport produk kayu dan berasaskan kayu berjumlah RM20.5 bilion, peningkatan sebanyak 5.1 peratus berbanding 2013. Malaysia adalah negara pengeluar utama dan pengeksport minyak sawit dunia dengan keluasan tanaman kira-kira 5.3 juta hektar sehingga 2014. Puratanya, seluas 130,000 hektar ladang kelapa sawit sedia untuk ditebang bermula tahun 2015 sehingga 2032.

Berikutan potensi OPT sebagai bahan mentah dan kepentingan aplikasinya dalam penghasilan papan lapis dan kayu gergaji berkualiti tinggi yang memenuhi keperluan standard antarabangsa; Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia (MPPIC) melalui Lembaga Perindustrian Kayu

Malaysia (MTIB), Persatuan Pekilang Panel Malaysia (MPMA) dan Persatuan Pengeksport Kayu Malaysia (TEAM) memulakan Projek Pembangunan Papan Lapis dan Kayu Gergaji daripada OPT pada 2010 dan berakhir tahun 2014.

Projek ini mendapat kelulusan peruntukan berjumlah RM4.81 Juta dan RM3.21 Juta. Keutamaan projek adalah menjalankan kajian (R&D) kesesuaian menggunakan OPT sepenuhnya dalam pembuatan papan lapis dan kayu gergaji berkualiti serta proses pengeluaran efisien.

Untuk pembangunan papan lapis, MPMA bekerjasama dengan syarikat pengilang papan lapis iaitu Central Kedah Plywood Factory Sdn Bhd, Pulus Intervest Sdn Bhd, Gerbang Mashyur Sdn Bhd, Nippon Palm Sdn Bhd dan OPT Panel Sdn Bhd. Dari tahun 2010 sehingga 2013 pula, MTIB, UPM dan FRIM menjalankan beberapa R&D penghasilan papan lapis kelapa sawit dan menyediakan standard ISO dan MS. Aktiviti sokongan teknikal seperti R&D penggunaan bahan mentah dan pembangunan teknik pemprosesan produk papan lapis dijalankan bersama industri tempatan dan berpotensi untuk pengeluaran produk berkualiti. Manakala pembangunan kayu gergaji, projek dijalankan dengan kerjasama TEAM dan pengilang Palm Wood Timber Sdn Bhd serta Maxwell Wood Sdn Bhd.

Hasil kajian diterjemahkan ke bentuk buku berkulit keras (coffee table book) dan dua buku Panduan Teknikal oleh MTIB tahun lepas sebagai bahan rujukan dan panduan. Produk papan lapis dan kayu gergaji OPT berkualiti mempunyai peluang luas menembusi pelbagai kegunaan yang sebelum ini dimonopoli oleh bahan import lain. Pada masa kini, kegunaan OPT menghasilkan papan lapis dan kayu gergaji untuk industri pembinaan dan perabot dalam pasaran tempatan semata-mata. Ini sejajar dengan objektif Dasar Perindustrian Kayu Negara (NATIP), memastikan kecukupan bekalan bahan mentah untuk industri perakayuan negara serta meningkatkan nilai eksport kayu-kayuan kepada RM53 bilion pada 2020 dengan penghasilan 60 peratus produk bernilai tinggi.

